

**Keputusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS) Berhubung
Pelaksanaan *Tawarruq* Secara *Straight-Through Processing* (STP)
Mesyuarat MPS Ke-199 bertarikh 26 November 2019**

Bahagian I: Keputusan MPS, Tarikh Kuat Kuasa dan Pemakaian

Menurut seksyen 52 Akta Bank Negara Malaysia 2009, MPS telah memutuskan bahawa cadangan untuk melaksanakan *tawarruq* secara STP adalah dibenarkan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Kontrak jual beli dalam *tawarruq* hendaklah dilaksanakan mengikut turutan yang betul¹ dan disokong dengan bukti yang jelas²;
- ii. Aset yang diurusniagakan mestilah boleh dikenal pasti dan ditentukan secara spesifik (*mu`ayyan bi al-zat*) dari sudut lokasi, kuantiti dan kualiti bagi memenuhi ciri-ciri urus niaga sebenar;
- iii. Pelaksanaan dwi-agensi hendaklah mematuhi keperluan yang ditetapkan dalam dokumen polisi *Tawarruq* (DP *Tawarruq*) yang merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, perkara-perkara berikut:
 - a) peranan dan tanggungjawab pihak berkontrak, penentuan harga, tempoh matang dan spesifikasi aset, hendaklah dipersetujui oleh pihak-pihak berkontrak; dan
 - b) mestilah terdapat pengasingan yang jelas berkenaan peranan dan tugas yang akan dilaksanakan oleh wakil.
- iv. Pemilikan terhadap aset yang diurusniagakan dari sudut Syariah dan perundangan serta risiko berkaitan pemilikan hendaklah wujud dan dapat dibuktikan melalui dokumentasi atau rekod yang bersesuaian;³ dan
- v. Pembeli mesti mempunyai hak untuk menerima penyerahan (*take delivery*) terhadap aset yang diurusniagakan pada setiap kontrak jual beli dalam *tawarruq*. Bagi pelaksanaan *tawarruq* melalui STP, pilihan untuk menerima penyerahan hendaklah dizahirkan kepada pelanggan secara jelas sebelum pelaksanaan *tawarruq* atau selepas transaksi jualan aset kepada pelanggan dilaksanakan.⁴

Keputusan ini berkuat kuasa dengan penerbitannya dalam laman sesawang Bank Negara Malaysia (Bank)⁵ pada XX Mei 2020 dan terpakai kepada institusi kewangan Islam (IKI) berikut:

- (a) orang berlesen menurut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI);
- (b) bank berlesen atau bank pelaburan berlesen yang diluluskan di bawah seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) untuk menjalankan perniagaan kewangan Islam; dan
- (c) institusi yang ditetapkan yang diluluskan di bawah seksyen 33B(1) Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (DFIA) untuk menjalankan perniagaan kewangan Islam.

¹ Perenggan 12.3 DP *Tawarruq*.

² Perenggan 15.3 DP *Tawarruq*.

³ Perenggan 13.7 hingga 13.10 DP *Tawarruq*.

⁴ Penzahiran tersebut hendaklah dibuat berdasarkan kaedah yang diiktiraf oleh amalan perniagaan (*urf tijari*) dan bertepatan dengan Syariah.

⁵ Bank telah memaklumkan kepada institusi kewangan Islam yang berkenaan berhubung keputusan ini pada 28 November 2019 selepas mesyuarat MPS ke-199.

Selaras dengan seksyen 28(1) dan (2) APKI atau seksyen 33D (1) dan (2) DFIA, mengikut mana-mana yang berkenaan, IKI dikehendaki mematuhi keputusan ini kerana pematuhan dengan apa-apa keputusan MPS berkenaan dengan sebarang matlamat tertentu dan pengendalian, perniagaan, hal ehwal atau aktiviti IKI tersebut adalah disifatkan sebagai pematuhan kepada Syariah.


Bahagian II: Latar Belakang

- Beberapa IKI telah mengemukakan cadangan kepada Bank berhubung pelaksanaan *tawarruq* secara STP bagi produk pembiayaan dan deposit. Melalui STP, kontrak jual beli dalam *tawarruq* akan dilaksanakan secara automatik apabila satu set data urus niaga yang mengandungi semua maklumat pembelian aset dihantar kepada pelayan (*server*) penyedia platform perdagangan komoditi.
- Pelaksanaan *tawarruq* secara STP merupakan suatu penambahbaikan kepada kaedah pelaksanaan *tawarruq* sedia ada. Sistem STP dapat meningkatkan kecekapan pelaksanaan *tawarruq* dan lebih praktikal bagi menampung jumlah urus niaga yang tinggi pada satu-satu masa. Oleh itu, STP dijangka dapat menangani isu-isu operasi yang berpotensi membawa kepada insiden ketidakpatuhan Syariah.
- Terdapat dua (2) cadangan kaedah pelaksanaan STP iaitu:
 - (a) Pelaksanaan STP secara arahan langkah demi langkah (*step-by-step instruction*):**
 - Setiap kontrak jual beli dalam *tawarruq* akan dilaksanakan setelah sistem STP menerima arahan langkah demi langkah daripada IKI untuk melaksanakan setiap kontrak jual beli yang selaras dengan turutan yang telah ditetapkan oleh DP *Tawarruq*.
 - Sama seperti pelaksanaan *tawarruq* sedia ada, IKI akan bertindak selaku wakil bagi pihak pelanggan untuk melaksanakan kontrak jual beli.
 - Bagi setiap kontrak jual beli, terdapat suatu sela masa yang membolehkan pembeli membuat pilihan untuk menerima penyerahan aset yang diurusniagakan.
 - (b) Pelaksanaan STP secara arahan menyeluruh (*blanket instruction*):**
 - Arahan untuk melaksanakan ketiga-tiga kontrak jual beli dalam *tawarruq* akan dimasukkan oleh IKI ke dalam sistem STP pada peringkat permulaan iaitu sebelum kontrak jual beli dalam *tawarruq* dilaksanakan.
 - IKI akan bertindak selaku wakil kepada pelanggan bagi menyempurnakan kontrak jual beli kedua (mewakili pelanggan untuk menerima penjualan daripada IKI) dan kontrak jual beli ketiga (mewakili pelanggan untuk menjual kepada penyedia platform perdagangan komoditi).
 - Pilihan kepada pelanggan untuk menerima penyerahan aset hanya dizahirkan sebelum kontrak jual beli dalam *tawarruq* dilaksanakan. Pelanggan tidak mempunyai pilihan untuk menerima penyerahan aset semasa proses jual beli sedang berlangsung.
 - Semua kontrak jual beli dalam *tawarruq* akan diselesaikan oleh sistem STP dengan sangat efisien (dalam beberapa milisaat atau nanosaat).

Isu Syariah

Sama ada pelaksanaan *tawarruq* secara STP mematuhi keperluan Syariah

Ilustrasi pelaksanaan pembiayaan berasaskan *tawarruq* melalui STP



Bahagian III: Perbincangan Utama

Sama ada pelanggan mempunyai pilihan untuk menerima penyerahan aset

- Dalam pelaksanaan *tawarruq* secara STP, penzahiran kepada pelanggan berkenaan pilihan untuk menerima penyerahan aset akan dibuat seperti berikut:

Arahan langkah demi langkah	Sebelum memasuki <i>tawarruq</i> atau selepas aset dijual kepada pelanggan.
Arahan menyeluruh	Sebelum memasuki <i>tawarruq</i> .

- Pelaksanaan *tawarruq* secara STP dengan arahan menyeluruh secara tidak langsung menyebabkan pelanggan tidak mempunyai pilihan untuk menerima penyerahan aset semasa kontrak jual beli dalam *tawarruq* sedang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, menerusi aturan dwi-agensi iaitu dengan pelantikan IKI selaku wakil pelanggan untuk melaksanakan semua proses jual beli, pelanggan sekaligus telah bersetuju untuk melepaskan haknya untuk menerima penyerahan aset pada peringkat awal kontrak.
- Sijil elektronik yang dikeluarkan platform perdagangan komoditi memperincikan butiran aset dan membuktikan pelaksanaan jual beli serta penyempurnaan pemindahan hak milik.

Sama ada terdapat pengasingan yang jelas berkenaan peranan dan tugas wakil dalam aturan dwi-agensi

- DP *Tawarruq*⁶ menetapkan bahawa IKI perlu mewujudkan pengasingan yang jelas berkenaan peranan dan tugas yang akan dilaksanakan dalam aturan dwi-agensi seperti menetapkan kakitangan yang berbeza untuk menjalankan setiap peranan atau menggunakan sistem yang bersesuaian bagi melaksanakan peranan dwi-agensi secara berasingan seperti sistem pesanan ringkas (SMS) atau panggilan telefon.
- Antara tujuan keperluan ini adalah bagi memastikan jual beli dalam *tawarruq* dilaksanakan dalam turutan yang betul.

⁶ Perenggan 26.2(d)(ii) DP *Tawarruq*.

- Sistem STP dibangunkan bagi membolehkan kontrak jual beli dalam *tawarruq* dilaksanakan mengikut turutan yang betul. Oleh itu, wakil yang dilantik akan bertindak mengikut turutan yang betul dalam melaksanakan kontrak jual beli. Perkara ini membuktikan bahawa peranan wakil dalam aturan dwi-agensi ini adalah dilaksanakan secara berasingan pada setiap proses jual beli.
- Penetapan kakitangan yang berbeza bagi menjalankan tugas wakil hanyalah salah satu contoh pengoperasian aturan dwi-agensi yang sejajar dengan keperluan Syariah.

Bahagian IV: Asas Pertimbangan

Pelaksanaan dwi-agensi mematuhi keperluan yang ditetapkan dalam DP Tawarruq

- DP *Tawarruq*⁷ menetapkan bahawa pelaksanaan kontrak jual beli antara prinsipal dan wakil dalam aturan dwi-agensi hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:
 - (a) sebarang kriteria atau spesifikasi penting bagi melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan seperti penentuan harga, tempoh matang dan spesifikasi aset, hendaklah dipersetujui oleh pihak-pihak berkontrak; dan
 - (b) urusan niaga tersebut hendaklah mengikut turutan yang betul seperti yang diperuntukkan dalam DP *Tawarruq*⁸ dan disokong oleh bukti yang jelas dan nyata.
- Pelaksanaan *tawarruq* secara STP yang dicadangkan mematuhi keperluan di atas kerana pihak-pihak yang terlibat dalam pelaksanaan *tawarruq* telah bersetuju dengan terma dan syarat pada peringkat awal kontrak dan seterusnya kontrak jual beli dilaksanakan mengikut turutan yang betul.

Kontrak jual beli dilaksanakan mengikut turutan yang betul

- DP *Tawarruq*⁹ menetapkan bahawa penawaran dan penerimaan bagi kontrak jual beli dalam *tawarruq* hendaklah dilaksanakan mengikut turutan berikut:
 - (a) penjual menjual aset kepada pembeli dengan memeterai kontrak jual beli; dan
 - (b) seterusnya, pembeli bagi kontrak jual beli yang pertama memeterai kontrak jual beli yang lain untuk menjual aset yang sama kepada pihak ketiga.
- Sistem STP telah ditetapkan untuk melaksanakan setiap kontrak jual beli mengikut turutan yang betul seperti yang dikehendaki oleh DP *Tawarruq*. Sistem STP tidak akan membenarkan kontrak kedua berlaku sebelum kontrak pertama selesai. Pelaksanaan kontrak jual beli dalam *tawarruq* dibuktikan dengan pengeluaran sijil elektronik yang boleh diaudit setelah sempurna setiap kontrak.

Pelanggan mempunyai pilihan untuk menerima penyerahan aset yang diurusniagakan

- DP *Tawarruq*¹⁰ menetapkan keperluan bagi pembeli dalam setiap kontrak jual beli untuk mempunyai hak menerima penyerahan aset dan larangan bagi sebarang terma dan syarat yang menghalang penyerahan tersebut.
- Bagi pelaksanaan *tawarruq* secara STP, pelanggan mempunyai pilihan untuk menerima penyerahan aset dan pilihan ini mestilah dizarhkan sewaktu memasuki *tawarruq*. Bagi pelaksanaan *tawarruq* secara arahan menyeluruh, keputusan pelanggan melepaskan haknya untuk menerima penyerahan aset tidak membatalkan kontrak jual beli.

⁷ Perenggan 17.3 DP *Tawarruq*.

⁸ Perenggan 17.2 DP *Tawarruq*.

⁹ Perenggan 12.3 DP *Tawarruq*.

¹⁰ Perenggan 15.4 dan 15.5 DP *Tawarruq*.

Bahagian V: Implikasi Keputusan MPS

- *Tawarruq* dapat dilaksanakan secara teratur, pantas dan efisien kerana proses jual beli aset dapat diselesaikan dalam tempoh yang singkat melalui suatu sistem yang terkawal.
- Keputusan ini memperlihatkan bahawa Syariah bukan suatu penghalang kepada penerapan kemajuan teknologi dalam menawarkan produk perbankan Islam, malah menjadi pemangkin kepada inovasi dalam produk dan perkhidmatan yang ditawarkan IKI.